

**KENALI**


# **HAK ANDA & POLIS**



**APA YANG ANDA PERLU TAHU  
BILA BERDEPAN DENGAN POLIS**

# APA ITU "HAK ASASI MANUSIA"?

---



**01**

Hak bagi setiap individu sebagai seorang manusia.

**02**

Piawaian asas supaya manusia hidup dengan bermaruah.

**03**

Hak asasi manusia adalah sedia ada, sejagat, bebas tanpa membezakan bangsa, suku kaum, jantina, agama, bahasa, kerakyatan dan kecenderungan politik.

**04**

Hak-hak ini mesti dilaksanakan tanpa melanggar hak individu lain.

**05**

Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan rakyatnya mendapat hak masing-masing.

**06**

Rakyat berhak dan bertanggungjawab untuk membuat laporan mengenai pencabulan hak asasi manusia.

# APABILA MENERIMA PANGGILAN TELEFON DARIPADA POLIS

Sekiranya anda menerima panggilan telefon untuk melaporkan diri di balai polis, anda perlu:

- Tanya nama pegawai polis dan di mana beliau bertugas.
- Tanya sebab diminta melaporkan diri dan adakah anda disiasat.
- Aturkan masa yang bersesuaian dengan jadual anda.

- Minta polis memberi notis 111. Jika notis 111 dikeluarkan, maka kehadiran anda adalah mandatori mengikut tempat dan masa yang ditetapkan.
- Elakkan pergi balai polis bersendirian, minta peguam untuk menemani anda. Jika tiada peguam, maklum kepada ahli keluarga/ kawan mengenai pergerakan anda.



# APABILA DIBERHENTIKAN OLEH POLIS



- Beralih ke tempat yang terang dan sesak jika anda bersendirian.
- Bercakap kuat tetapi bukan secara konfrontasi supaya perbuahan tersebut didengari orang lain.

# APABILA DIKUNJUNGI OLEH POLIS DI RUMAH

- Jangan buka pintu sebelum mengenal pasti identiti polis dan tujuan lawatan mereka.
- Hubungi ahli keluarga/ kawan/ peguam mengenai situasi tersebut.



**AMBIL  
PERHATIAN!!!**

## **DALAM KEDUA-DUA SENARIO INI, ANDA PERLU BERTANYA TENTANG KAD KUASA POLIS:**

- Nama dan nombor anggota polis pada Kad Kuasa Polis
- Nombor pendaftaran pada kereta peronda, motosikal atau kenderaan polis tersebut.




## **JENIS KAD KUASA POLIS**

**BIRU:** Berpangkat Inspektor ke atas

**KUNING:** Berpangkat di bawah Inspektor, kuasanya terhad.

**PUTIH:** Polis Simpanan

**MERAH:** Polis yang dibuang kerja/ digantung. Anda tidak perlu mengikut permintaannya.



## JIKA DISOAL OLEH POLIS SEMASA DIBERHENTIKAN:

- Hanya perlu beri nama, nombor kad pengenalan dan alamat anda (seperti mana yang ternyata dalam kad pengenalan)
- Seandainya ditanya soalan-soalan lain, anda boleh bertanya:



## ANDA DITANGKAP ATAU DITAHAN SEKIRANYA

- Polis kata, "Awak ditahan/ditangkap!"
- Polis tidak membenarkan anda meninggalkan tempat itu.
- Anda digari
- Kad Pengenalan anda diambil

Jika anda tidak ditahan, anda boleh beredar dari tempat tersebut atau enggan mematuhi arahan beliau untuk ke balai polis atau tempat lain jika diarahkan.



# APABILA DITAHAN OLEH POLIS

Anda mesti bertanya:



Polis mesti memberitahu sebab anda ditahan dan anda boleh berdiam diri.



- Anda berhak untuk membuat panggilan kepada keluarga, peguam atau rakan-rakan.
- Anda hanya boleh ditahan dalam lokap tidak melebihi 24 jam. (Sebelum dibawa untuk tahanan reman di mahkamah)
- Hak orang ditahan adalah dijamin di bawah **Seksyen 28A Kanun Prosedur Jenayah.**

# SOAL SIASAT OLEH POLIS SELEPAS DITAHAN

Semasa disoal siasat oleh polis, anda akan diminta memberi kenyataan rasmi iaitu Penyataan 112.

Sekiranya anda keliru sama ada pertanyaan oleh polis secara tidak formal termasuk di dalam Penyataan 112 atau tidak, anda boleh bertanya

ADAKAH INI PENYATAAN 112?

**AMBIL PERHATIAN!!!**



Jika ya, anda boleh memilih untuk menjawab atau tidak.

Ingat, anda berhak mendiamkan diri sekiranya disoal siasat oleh polis semasa Penyataan 112.

Anda hanya perlu beritahu nama, nombor kad pengenalan dan alamat tempat tinggal anda.



\* Anda berhak untuk membawa peguam sendiri semasa Penyataan 112 diambil.

➤ Pastikan anda faham semua soalan yang ditanya oleh pegawai penyiasat.

➤ Minta bantuan jurubahasa jika anda tidak memahami bahasa yang digunakan sewaktu soal siasat.

➤ Pastikan jawapan anda adalah betul sebelum Penyataan 112 ditandatangani.

➤ Anda berhak untuk meminta pindaan dilakukan dalam Penyataan 112 sebelum menurunkan tandatangan.



# PEMERIKSAAN BADAN

Pemeriksaan badan boleh dilakukan tanpa mengira sama ada anda ditahan atau sebaliknya.




# INGAT!

## JIKA PEMERIKSAAN BADAN DILAKUKAN TANPA PENAHANAN:

- Hanya dibenarkan jika polis berpangkat Inspektor ke atas bertugas.
- Jangan benarkan polis memasukkan tangannya ke dalam poket anda.



- Keluarkan barang anda satu per satu dan sebut nama barang tersebut ketika ia dikeluarkan.



- Tunjukkan poket anda telah kosong dan tidak menyimpan sebarang barang larangan.

## JIKA PEMERIKSAAN BADAN DILAKUKAN SEMASA DITAHAN:

- Pastikan anda ditemani oleh peguam.
- Pemeriksaan badan perlu dijalankan di tempat yang tertutup.
- Bahagian sulit tidak boleh disentuh.
- Wanita hanya boleh diperiksa oleh pegawai polis wanita sahaja.
- Tiada undang-undang yang membenarkan polis tanggalkan baju anda.



# PERINTAH REMAN

Sekiranya polis ingin menahan anda lebih daripada 24 jam, mereka perlu mendapat perintah reman daripada Majistret:



## HUKUMAN JIKA DISABITKAN BERSALAH

## REMAN PERTAMA

## REMAN KEDUA

|                             |                    |                    |
|-----------------------------|--------------------|--------------------|
| Kurang daripada<br>14 tahun | Maksimum<br>4 hari | Maksimum<br>3 hari |
| Lebih daripada<br>14 tahun  | Maksimum<br>7 hari | Maksimum<br>7 hari |

- ✿ Pastikan ada peguam bersama-sama anda. Anda berhak meminta bantuan YBGK yang bertugas hari itu.
- ✿ Jika anda diseksa/ disuruh membuat pengakuan paksa/ tidak sihat dan memerlukan rawatan/ dinafikan makanan dan air sewaktu tempoh ditahan, sila maklumkan kepada Majistret.



# APAKAH YANG BERLAKU SELEPAS TEMPOH REMAN TAMAT?

**01**

Dibebaskan dengan jaminan polis/ jaminan mulut.



Ingat anda tidak perlu bayar apa-apa untuk jaminan ini.

**02**

Dituduh di mahkamah.



Anda boleh pilih sama ada untuk

- mengaku salah
- tidak mengaku salah.

**ATAU**

Jika anda tidak mengaku salah

maka anda perlu mencari:



Seorang penjamin



Wang ikat jamin  
(jumlah bergantung kepada jenis kesalahan)



\* Syarat-syarat ikat jamin atas budi bicara mahkamah

# JIKA ANDA DIPUKUL ATAU DIUGUT DALAM TAHANAN POLIS



Anda perlu:

- Minta keluarga atau peguam buat laporan polis;
- atau
- Memberitahu Majistret;

atau

- Buat laporan polis dan aduan kepada Jabatan Integriti dan Polis Pematuhan Standard (JIPS) selepas dibebaskan;

atau

- Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)





**ANDA  
BERSEO**

**TIDAK  
RANGAN**

### Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)

B-G-15, 8 Avenue Business Centre, Jalan  
Sungai Jernih 8/1, Petaling Jaya, 46050  
Petaling Jaya, Selangor

☎ 03-7954 5724

☎ 03-7954 5725

🌐 [www.suaram.net](http://www.suaram.net)

✉ [suaram@suaram.net](mailto:suaram@suaram.net)

📌 Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)

### Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

11th Floor, Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, 50250  
Kuala Lumpur

☎ 603 – 261 25600

☎ 603 –261 25620

🌐 [www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my)

✉ [humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my)

### Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam Kuala Lumpur

No. 2, Lebuhr Pasar Besar,  
50050 Kuala Lumpur.

☎ 03-2691 1121

☎ 03-2692 1122

🌐 [www.kllac.com](http://www.kllac.com)

### Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Badan Peguam Malaysia

13, 15, 17, Lebuhr Pasar  
Besar, 50050 Kuala Lumpur

☎ 03 – 2050 2050

☎ 03 – 2026 1313

### Suruhanjaya Bebas Tatalakelakuan Polis (IPCC)

Aras 7, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 Putrajaya

☎ 03 8888 6618/ 2184 /6509

✉ [aduan.ipcc@moha.gov.my](mailto:aduan.ipcc@moha.gov.my)

🌐 [moha.gov.my](http://moha.gov.my)

suara  
rakyat  
malaysia



# SUARAM

*working for human rights*

Penerbit:

**Suara Inisiatif Sdn. Bhd.**

working for human rights

 suararakyatmalaysia

 suaramtweets

 suaramvideo

 insta\_suaram

Design & illustration

**Amin Landak**